

Artikel

Tinjauan Awal terhadap Dinamika Kemiskinan Petani Padi di Malaysia
(*A Preliminary Review of the Dynamics of Poverty among Rice Farmers in Malaysia*)

Yusma Fariza Yasin*, Nurzafirah Norani, Mas Idayu Saidi & Junaidah Yusof

Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi (SHARPS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: yusmafariza@utm.my

Diserah: 30 November 2025 / Diterima: 30 Januari 2026

Abstrak: Beras sebagai makanan ruji dan padi sebagai komoditi pengeluarannya merupakan elemen penting dalam menjamin keterjaminan makanan negara. Namun, Tahap Sara Diri (SSL) beras Malaysia menunjukkan tren yang semakin menurun. Pelbagai dasar, bantuan dan insentif telah dilaksanakan bagi menangani masalah kemiskinan petani padi dan memastikan SSL beras negara berada pada tahap yang memuaskan. Kajian ini bertujuan meneliti secara mendalam faktor struktur yang membentuk dinamika kemiskinan petani padi di Malaysia. Dari sudut metodologi, kajian menggunakan reka bentuk eksploratori kualitatif melalui analisis kandungan terhadap dokumen dasar, laporan institusi, data statistik dan kajian terdahulu. Analisis bertema digunakan bagi mengenal pasti pola, jurang pelaksanaan dasar serta hubungan antara faktor sosioekonomi, institusi dan geopolitik. Dapatan mengenal pasti enam faktor utama yang menyumbang kepada kemiskinan petani padi, iaitu saiz pemilikan tanah yang kecil, ketidakseimbangan agihan subsidi, ketidakcekapan pelaksanaan dasar, kekangan penggunaan teknologi moden, konflik politik serantau dan kebergantungan negara terhadap import beras. Implikasi dapatan dipetakan kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 1, SDG 2, SDG 12 dan SDG 13). Dapatan kajian juga menunjukkan keperluan untuk membangun model SSL yang lebih mampan dan inklusif. Kajian ini menegaskan kepentingan penambahbaikan dasar bagi memperkukuh pendapatan petani, meningkatkan daya saing sektor padi serta menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan negara.

Kata kunci: Kemiskinan petani padi; Tahap Sara Diri (SSL); dasar pertanian; analisis kandungan; keterjaminan makanan.

Abstract: Rice as Malaysia's staple food, and paddy as its primary production commodity, are essential elements in ensuring national food security. However, Malaysia's rice Self-Sufficiency Level (SSL) has shown a declining trend. Various policies, assistance and incentives have been implemented to address poverty among paddy farmers and to ensure that the country's SSL remains at a satisfactory level. This study aims to examine in depth the structural factors that form the dynamics of poverty among paddy farmers in Malaysia. Methodologically, the study adopts a qualitative exploratory design through content analysis of policy documents, institutional reports, statistical data and previous studies. Thematic analysis is utilised to identify patterns, policy implementation gaps and the interrelationships between socioeconomic, institutional and geopolitical factors. The findings identify six main contributors to paddy farmers' poverty: small land ownership, imbalances in subsidy distribution, inefficiencies in policy implementation, limitations in modern technology adoption, regional political conflicts and the country's dependence on rice imports. The implications of these findings are mapped onto the Sustainable Development Goals (SDG 1, SDG 2, SDG 12 and SDG 13). The study further highlights the need to develop a more sustainable and inclusive SSL model.

Overall, the study underscores the importance of policy improvements to strengthen farmers' income, enhance the competitiveness of the paddy sector and contribute to the nation's food security agenda.

Keywords: Paddy farmer poverty; Self-Sufficiency Level (SSL); agricultural policy; content analysis; food security.

Pengenalan

Beras merupakan makanan ruji utama bagi lebih separuh populasi dunia, dengan sekitar 90% penghasilannya datang dari rantau Asia (Fukagawa & Ziska, 2019). Di Asia Tenggara, lima negara telah tersenarai antara pengeluar utama beras dunia, iaitu Indonesia, Vietnam, Thailand, Myanmar dan Filipina (USDA, 2022; Shemi, 2024). Di Malaysia, beras bukan sahaja memainkan peranan penting dalam keperluan pemakanan rakyat, malah turut menjadi penanda aras keterjaminan makanan negara. Namun begitu, kadar Tahap Sara Diri (*Self-Sufficiency Level*, SSL) bagi beras masih belum mencapai paras yang memuaskan dan menunjukkan tren penurunan, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap ketergantungan negara kepada import beras dari luar.

Meskipun pelbagai dasar, bantuan dan insentif telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran padi serta menangani kemiskinan dalam kalangan petani, isu ini masih berlarutan. Pada tahun 2022, pengeluaran padi negara hanya mencecah 2.28 juta tan metrik, menghasilkan sekitar 1.57 juta tan metrik beras (KPKM, 2024). Dalam konteks ini, petani padi terus dibelenggu kemiskinan walaupun memainkan peranan penting dalam rangkaian bekalan makanan negara. Situasi ini turut berlaku di negara seperti Indonesia, di mana 70% isi rumah luar bandar bergantung kepada sektor pertanian, tetapi hanya separuh daripadanya mengusahakan padi dan majoritinya berada dalam kelompok petani miskin (Widyanto, 2023).

Antara faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada permasalahan ini termasuklah saiz pemilikan tanah yang kecil (kurang daripada 2.9 hektar secara purata), ketidakseimbangan dalam agihan subsidi, ketidakcekapan pelaksanaan dasar sedia ada, kekangan penggunaan teknologi moden, serta konflik politik serantau seperti di Myanmar yang menjejaskan kestabilan pengeluaran (Takeshima, 2024). Lebih membimbangkan, tahap SSL beras merupakan antara yang paling rendah berbanding komoditi makanan utama lain seperti ayam, telur, ikan dan sayuran (Mohamad Sabu, 2024). Ketergantungan terhadap import dari negara sumber seperti Thailand, Vietnam, India, Pakistan dan Myanmar merupakan langkah jangka pendek yang tidak mapan, dan mendedahkan negara kepada risiko defisit bekalan sekiranya berlaku sekatan eksport atau krisis pengeluaran di negara-negara tersebut.

Justeru, pembangunan sebuah model SSL yang lebih menyeluruh, mampan dan strategik amat diperlukan. Kajian ini bertujuan meneliti secara mendalam dinamika kemiskinan yang melingkari kehidupan petani padi di Malaysia serta mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan dasar sedia ada. Secara khususnya, kajian ini mencadangkan pembentukan dan penilaian terhadap sebuah model SSL yang dapat meningkatkan pendapatan petani, memperkukuh daya saing sektor pertanian padi, serta mengurangkan ketergantungan terhadap beras import. Pendekatan ini diharap dapat menyumbang kepada keterjaminan makanan negara serta membuka jalan keluar kepada kemiskinan yang membelenggu petani padi, selaras dengan aspirasi Malaysia untuk mencapai status negara maju (Samirul Ariff Othman, 2023).

Faktor penentu kemiskinan petani padi

Terdapat beberapa faktor penentu kemiskinan petani padi. Antaranya termasuklah saiz pemilikan tanah yang kecil, ketidakseimbangan dalam agihan subsidi, ketidakcekapan pelaksanaan dasar, kekangan penggunaan teknologi moden, konflik politik serantau dan ketidakstabilan rantau pengeluar dan ketergantungan terhadap beras import. Salah satu faktor utama yang mengekalkan petani padi dalam kemiskinan ialah saiz pemilikan tanah yang kecil dan status pemilikan tanah. Di Malaysia, majoriti petani padi menjalankan aktiviti pertanian padi secara sewaan tanah dan selebihnya mengusahakan tanah sendiri. Purata pemilikan tanah oleh petani padi dilaporkan kurang daripada 2.9 hektar, yang tidak mencukupi untuk menjana pendapatan yang mampan (Siti Hadjah Che Mat, 2020). Saiz tanah yang terhad ini menyukarkan penerapan prinsip ekonomi skala dalam

pengeluaran padi, sekali gus menghadkan kecekapan penggunaan input dan hasil output. Ini termasuklah kesukaran untuk mengguna pakai jentera berskala besar, penggunaan input pertanian yang lebih efisien, dan integrasi teknologi moden yang memerlukan kawasan tanaman luas bagi menjana pulangan pelaburan. Kos tetap yang tinggi seperti sewaan tanah, jentera, pembajaan dan penyelenggaraan tanah, apabila dibahagikan kepada hasil yang rendah, akan meningkatkan kos per unit pengeluaran, dan seterusnya mengurangkan margin keuntungan petani (Herwina Rosnan *et al*, 2025).

Keadaan ini tidak unik di Malaysia, malah turut berlaku di negara-negara jiran seperti Indonesia dan Filipina. Di kedua-dua negara tersebut, lebih daripada 60% petani padi mengusahakan tanah kurang daripada satu hektar, menjadikan mereka terperangkap dalam kitaran produktiviti rendah dan pendapatan tidak mencukupi (World Bank, 2021). Secara purata, pemilikan tanah petani padi di Indonesia kurang daripada 0.5 hektar (Septian Widyanto & Leksono Probo Subanu, 2023). Struktur pemilikan tanah yang berselerak dan tidak ekonomik ini mewujudkan jurang besar dalam daya saing antara petani kecil dengan syarikat pertanian besar yang mempunyai akses kepada modal, teknologi, dan pasaran.

Ketidakseimbangan dalam agihan subsidi

Walaupun kerajaan telah memperkenalkan pelbagai bentuk bantuan seperti subsidi baja, subsidi harga padi, dan skim insentif hasil, wujud ketidakseimbangan ketara dalam pengagihan bantuan tersebut. Banyak bantuan diagihkan berdasarkan saiz kawasan tanaman atau bilangan musim menanam, yang tidak semestinya mencerminkan keperluan sebenar petani. Hal ini menyebabkan wujudnya kelompok petani yang menerima bantuan berlebihan walaupun tidak berkeperluan tinggi, manakala petani lain khususnya di kawasan pedalaman atau di luar seliaan agensi seperti IADA, KADA dan MADA tidak mendapat bantuan yang mencukupi (Hamzah & Jalil, 2021).

Kesan daripada ketidakseimbangan ini ialah bantuan yang sepatutnya berfungsi untuk mengurangkan beban kos pengeluaran gagal mencapai kumpulan sasaran sebenar. Tambahan pula, tiadanya sistem pemantauan dan penilaian impak yang telus menjadikan proses pengagihan sering dipengaruhi oleh kepentingan politik tempatan dan jaringan kuasa birokratik (Rahman & Mat Zin, 2022). Ini menimbulkan persoalan tentang kecekapan dasar sokongan pertanian dalam membantu petani keluar daripada perangkap kemiskinan struktural.

Ketidakcekapan pelaksanaan dasar

Selain isu agihan bantuan, ketidakcekapan pelaksanaan dasar juga menyumbang kepada kemiskinan dalam kalangan petani padi. Antara kelemahan yang dikenal pasti termasuk kelewatan dalam penyaluran bantuan, kekaburan garis panduan pelaksanaan, dan kurangnya integrasi antara agensi pelaksana di peringkat negeri dan persekutuan. Banyak dasar yang diluluskan tidak mengambil kira variasi tempatan seperti corak agroekologi, struktur pasaran setempat, dan kapasiti pelaksanaan oleh petani itu sendiri (Mohamad Sabu, 2024). Sebagai contoh, terdapat laporan bahawa pengagihan input seperti baja dan benih berlaku di luar musim penanaman utama, menyebabkan petani gagal memanfaatkan bantuan tersebut secara optimum (Ismail *et al.*, 2022). Selain itu, harga rantai padi yang tidak dikemas kini secara berkala selaras dengan inflasi dan kos sara hidup juga merugikan petani. Kegagalan untuk menyesuaikan dasar dengan realiti di lapangan menunjukkan kelemahan dalam mekanisme maklum balas dan pemantauan dasar yang sedia ada (Nor & Shamsudin, 2020).

Kekangan penggunaan teknologi moden

Tahap adaptasi teknologi dalam sektor penanaman padi di Malaysia masih berada pada tahap rendah, khususnya dalam kalangan petani berskala kecil. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk kekurangan modal pelaburan, ketiadaan latihan teknikal yang mencukupi, serta akses terhad kepada infrastruktur asas seperti jalan ladang, sistem saliran automatik dan kemudahan stor penyimpanan. Dalam keadaan ini, petani masih bergantung kepada kaedah konvensional yang memerlukan banyak tenaga kerja, masa dan bergantung kepada cuaca (Ismail *et al.*, 2022).

Teknologi seperti sistem jajar legowo, penggunaan dron untuk penyemburan racun dan baja, serta aplikasi pertanian pintar seperti sistem maklumat geospasial masih belum diterima secara meluas. Hal ini

berpunca daripada ketidaksesuaian teknologi dengan saiz ladang kecil, ketidakmampuan untuk membeli atau menyewa peralatan, serta tiada sokongan berterusan dalam bentuk latihan dan bimbingan lapangan (Rasid *et al.*, 2023). Kekangan teknologi ini bukan sahaja menghalang peningkatan hasil, tetapi juga menghadkan keupayaan petani untuk bersaing dalam pasaran yang semakin moden dan terbuka.

Konflik politik serantau dan ketidakstabilan rantau pengeluar

Pasaran beras serantau turut terjejas oleh ketidaktentuan geopolitik, khususnya di negara-negara pengeluar utama seperti Myanmar. Konflik dalaman yang berpanjangan serta ketidakstabilan pentadbiran di Myanmar telah menjejaskan eksport beras negara tersebut, mengakibatkan gangguan bekalan dan peningkatan harga di peringkat serantau (Takeshima, 2024). Malaysia yang bergantung sebahagiannya kepada import dari Myanmar dan negara lain terpaksa bersaing mendapatkan bekalan pada harga lebih tinggi. Kesan limpahan daripada konflik ini meletakkan petani tempatan dalam kedudukan yang lemah, kerana mereka terpaksa bersaing dengan beras import yang kadangkala disubsidi dan dijual pada harga rendah. Dalam ketiadaan perlindungan pasaran yang kukuh, petani kecil tidak mempunyai daya saing yang mencukupi, sekali gus menyumbang kepada kemerosotan pendapatan mereka (Chamhuri S., 2021).

Kebergantungan terhadap beras import

Tahap Sara Diri (*Self-Sufficiency Level*, SSL) bagi beras di Malaysia kekal rendah, iaitu sekitar 65-70% sejak beberapa dekad lalu, menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap import beras dari negara-negara seperti Thailand, Vietnam, India dan Pakistan (USDA, 2022). Ketergantungan ini menjadikan Malaysia sangat terdedah kepada sebarang gangguan bekalan global. Sebagai contoh, semasa pandemik COVID-19 dan fenomena El Niño, beberapa negara mengeksport telah mengenakan sekatan eksport, menyebabkan lonjakan harga dan ketidaktentuan bekalan (Mohamad Sabu, 2024).

Kebergantungan kepada import juga membawa implikasi jangka panjang terhadap kelangsungan sektor padi tempatan. Tanpa dasar perlindungan yang efektif seperti tarif import yang sesuai atau subsidi sasaran kepada petani tempatan, mereka terus ditekan oleh harga pasaran yang dimanipulasi oleh pembekal luar. Keadaan ini menyebabkan motivasi petani untuk kekal dalam sektor ini semakin menurun, dan akhirnya menyumbang kepada penyusutan keluasan tanah sawah serta kehilangan generasi pelapis (Shamsudin & Radam, 2019).

Jadual 1. Ringkasan sorotan literatur

Bil.	Faktor Penentu Kemiskinan Petani Padi	Kajian/Sorotan Karya
1	Saiz Pemilikan Tanah yang Kecil	Fukagawa & Ziska, 2019 Alam <i>et al.</i> , 2018 World Bank, 2021 Siti Hadijah Che Mat, 2020
2	Ketidakseimbangan dalam Agihan Subsidi	Hamzah & Jalil, 2021 Rahman & Mat Zin, 2022
3	Ketidakcekapan Pelaksanaan Dasar	Ismail <i>et al.</i> , 2022 Rasid <i>et al.</i> , 2023
4	Kekangan Penggunaan Teknologi Moden	Ismail <i>et al.</i> , 2022 Rasid <i>et al.</i> , 2023
5	Konflik Politik Serantau dan Ketidakstabilan Rantau Pengeluar	Takeshima, 2024 Chamhuri <i>et al.</i> , 2021
6	Kebergantungan terhadap Beras Import	Shamsudin & Radam, 2019

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara tinjauan awal yang disokong oleh analisis kandungan untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan dinamika kemiskinan petani padi di Malaysia. Kajian ini dirancang

menggunakan reka bentuk dan pendekatan eksploratori kualitatif yang memberi tumpuan kepada analisis kandungan dokumen sekunder. Reka bentuk eksploratori kualitatif kajian ini disandarkan pada teori induktif *Grounded Theory* (Glaser's & Strauss's, 1967) dan prosedur sistematik analisis tematik Braun dan Clarke (2022). Gabungan ini membolehkan data dokumen sekunder ditafsir secara mendalam, teratur dan tanpa pra-andaian, seterusnya menghasilkan tema-tema autentik yang mencerminkan dinamika kemiskinan petani padi di Malaysia. Tiga kategori utama sumber data telah digunakan dalam kajian ini iaitu dokumen dasar dan garis panduan kerajaan, laporan institusi dan data statistik, serta kajian lepas dan artikel ilmiah. Jadual 2 di bawah menunjukkan perincian sumber data mengikut tiga kategori utama yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 2. Kategori sumber data kajian

Kategori Utama	Sumber Data	
1. Dokumen Dasar dan Garis Panduan Kerajaan	Dasar Agromakanan Negara (DAN), Laporan Tahunan Kementerian, Dokumen Rasmi (MAFI, MADA, IADA, KADA, LPP	Rancangan Malaysia (RMK), Penyata Bajet, Laporan Audit,
2. Laporan Institusi dan Data Statistik	Laporan FAO, Bank Dunia, IFPRI, USDA,	Statistik Domestik (Jabatan Perangkaan Malaysia DOSM dan KPKM)
3. Kajian Lepas dan Artikel Ilmiah	Jurnal, Prosiding, Buku Ilmiah	Kajian Empirikal (Kemiskinan Agraria, Padi dan Beras, Struktur Pemilikan Tanah, Subsidi Pertanian dan Konflik Geopolitik)

Data-data daripada sumber utama ini dipilih berdasarkan kriteria *inclusion* dan *exclusion* yang telah ditetapkan mengikut tema kajian (Hilary Arksey & Lisa O'Malley, 2007; Matthew et al., 2021). Terdapat empat kriteria utama sumber yang akan dimasukkan (*inclusion*) ke dalam kajian. Pertama, kajian lepas yang berkaitan secara langsung dengan petani padi di Malaysia dan negara serantau seperti Thailand, Vietnam, Indonesia atau Myanmar akan dipilih. Hal ini dilakukan untuk tujuan perbandingan. Seterusnya, sumber-sumber akan dimasukkan sekiranya data tersebut meneliti faktor kemiskinan, dasar pertanian, teknologi padi, dan isu SSL. Selain itu, sumber akan dimasukkan dan dipilih daripada artikel ilmiah, laporan berautoriti, dan dokumen dasar rasmi. Kriteria *inclusion* terakhir, sumber mestilah diterbitkan dalam tempoh lima tahun terkini (2019-2024) bagi memastikan revelansi semasa kecuali sumber klasik yang dianggap penting sebagai asas teori. Manakala untuk kriteria *exclusion* pula, sumber akan ditolak (*exclusion*) sekiranya kandungan tiada kaitan dengan kemiskinan dan isu struktural petani padi, sumber merujuk kepada komoditi selain padi, dan yang terakhir, sumber akan ditolak sekiranya tiada maklumat empirikal dan data dasar yang boleh dianalisis.

Terdapat lebih 120 sumber yang ditemui telah diambil untuk persampelan artikel dan dokumen. Seterusnya, daripada jumlah ini, hanya 48 artikel dan dokumen yang sesuai dengan kriteria *inclusion*. Melalui saringan kedua, hanya 31 artikel dan dokumen yang sesuai telah diambil untuk dianalisis dengan lebih mendalam berdasarkan pendekatan analisis kandungan tematik (Braun & Clarke, 2022). Persampelan dilakukan secara *purposive sampling* iaitu pemilihan sumber yang paling relevan dengan objektif kajian (Michael Quinn Patton, 2015). Pemilihan artikel dan dokumen dalam *purposive sampling* adalah berdasarkan tiga kriteria awal iaitu relevan dengan bidang padi dan beras, diterbitkan antara tahun 2010 hingga 2024, dan mempunyai kredibiliti institusi. Prosedur pengumpulan data dilakukan dengan langkah berikut:

1. Penyaringan Awal – Pemilihan dokumen dengan kata kunci “kemiskinan”, “kemiskinan petani padi”, “beras”, “subsidi pertanian”, “SSL Malaysia”, dan “dasar pertanian”.
2. Pengecaman Data Utama – Berkaitan faktor kemiskinan, isu pelaksanaan dasar, penggunaan teknologi, dinamika pasaran, dan konteks geopolitik.
3. Pengekodan Awal – Mengenal pasti tema awal berdasarkan isu berulang dalam pelbagai sumber

4. Pemurnian Data – Melalui semakan *triangulation* antara dokumen dasar, statistik, dan dapatan kajian terdahulu.

Analisis data menggunakan pendekatan enam fasa analisis kandungan tematik berdasarkan prosedur Braun dan Clarke (2022) seperti dalam rajah 1. Fasa pertama dikenali sebagai familiarisasi data yang dilakukan dengan membaca dokumen berulang kali. Fasa kedua adalah penjanaan kod awal dengan menjana kod berkaitan tanah pertanian padi, subsidi, dasar, teknologi, geopolitik, dan import. Fasa ketiga pula adalah fasa pembentukan tema dengan melakukan pengelompokan kod kepada kategori utama. Fasa keempat adalah semakan tema iaitu memastikan koherens dalaman dan ketepatan dengan konteks Malaysia. Manakala fasa kelima pula adalah pendefinisian dan penamaan tema. Fasa ini akan menghasilkan enam faktor kemiskinan petani padi iaitu saiz pemilikan tanah yang kecil, ketidakseimbangan agihan subsidi, ketidakcekapan pelaksanaan dasar, kekangan penggunaan teknologi moden, konflik politik serantau dan kebergantungan negara terhadap import beras. Seterusnya, fasa terakhir adalah pelaporan dapatan iaitu fasa yang akan mengaitkan tema dengan *Sustainable Development Goals* (SDG) iaitu salah satu agenda menjelang tahun 2030 oleh *United Nations* (United Nations, 2015). Kaitan tema dengan SDGs dapat dikaitkan dengan SDG 1, SDG 2, SDG 12, dan SDG 13 daripada 17 SDGs kesemuanya. Akhir sekali, pelaporan dapatan mencadangkan pembentukan model SSL mampan.



Rajah 1. Enam fasa proses analisis kandungan tematik Braun dan Clarke (2022)

Hasil Kajian

Kajian awal ini mengenal pasti bahawa kemiskinan dalam kalangan petani padi di Malaysia merupakan isu berstruktur yang berpunca daripada pelbagai faktor saling berkait. Enam faktor utama telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada permasalahan ini, dan setiap satu faktor ini saling mempengaruhi antara satu sama lain sehingga membentuk lingkaran kemiskinan yang sukar diputuskan.

Saiz pemilikan tanah yang kecil

Saiz tanah yang dimiliki oleh petani padi secara purata adalah kurang daripada 2.9 hektar, menjadikan usaha penanaman padi tidak ekonomik. Keadaan ini menghalang penggunaan prinsip ekonomi skala, mengurangkan kecekapan input pertanian dan menurunkan pulangan hasil. Akibatnya, kos pengeluaran per unit menjadi tinggi, sekaligus menekan margin keuntungan petani. Masalah ini turut dialami oleh negara jiran seperti Indonesia dan Filipina yang turut mencatat kadar pemilikan tanah yang kecil dalam kalangan petani

(Fukagawa & Ziska, 2019; Siti Hadijah Che Mat, 2020; World Bank, 2021). Saiz tanah yang kecil bukan sekadar mengehadkan pulangan hasil, tetapi juga mempengaruhi keupayaan petani untuk menerima subsidi secara optimum, kerana terdapat skim bantuan kerajaan yang berasaskan keluasan tanah petani (Lyna Zain, 2025). Keadaan ini seterusnya menjejaskan akses kepada penggunaan teknologi moden, memandangkan modal dan sokongan teknikal lebih banyak diberikan kepada pengusaha berskala besar (Fukagawa & Ziska, 2019; World Bank, 2021). Oleh itu, faktor ini mencetuskan rantaian kelemahan yang kemudian bersangkut dengan ketidakseimbangan agihan subsidi dan kekangan teknologi.

Ketidakseimbangan dalam agihan subsidi

Meskipun kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan insentif kepada petani, agihan subsidi masih menunjukkan ketidakseimbangan yang ketara. Banyak bantuan diagihkan mengikut saiz kawasan tanaman dan musim penanaman, tanpa mengambil kira tahap keperluan sebenar petani. Keadaan ini menyebabkan kelompok petani tertentu menerima bantuan berlebihan, manakala petani di kawasan luar bandar atau di luar sistem sokongan agensi seperti IADA, MADA dan KADA sering terpinggir (Hamzah & Jalil, 2021). Di samping itu, tiadanya sistem pemantauan berasaskan data dan maklum balas penerima bantuan turut mengurangkan keberkesanan dasar ini. Ketidakseimbangan subsidi ini bukan sahaja berpunca daripada struktur bantuan, tetapi turut dipengaruhi oleh kemampuan petani mengemukakan permohonan dan akses maklumat. Keadaan ini melemahkan keberkesanan dasar, kerana dasar yang baik tidak mampu berfungsi dalam persekitaran pelaksanaan yang tidak sama rata, menyebabkan sebahagian petani masih kekal miskin walaupun dasar telah diwujudkan (Hamzah & Jalil, 2021).

Ketidakcekapan pelaksanaan dasar

Kajian turut mendapati bahawa kelemahan dalam pelaksanaan dasar menyumbang secara langsung kepada kemiskinan berterusan dalam kalangan petani. Kelewatan penyaluran bantuan, kekeliruan dalam garis panduan pelaksanaan, serta kurangnya penyelarasan antara agensi persekutuan dan negeri menjadi punca utama masalah ini. Ketidakcekapan pelaksanaan dasar ini juga mempunyai hubungan langsung dengan ketidakseimbangan subsidi, kerana sistem pemantauan yang tidak menyeluruh menjadikan bantuan gagal disalurkan berdasarkan keperluan sebenar. Dasar yang tidak mengambil kira variasi tempatan turut menjejaskan penggunaan teknologi moden, kerana teknologi tertentu hanya sesuai untuk jenis tanah atau sistem pengairan tertentu (Ismail et al., 2022; Nor & Shamsudin, 2020). Hal ini mengukuhkan lagi hubungan antara dasar yang lemah dan kegagalan inovasi berlangsung di lapangan. Kelemahan dalam sistem maklum balas dan pemantauan menyukarkan penambahbaikan dasar secara berterusan (Nor & Shamsudin, 2020).

Kekangan penggunaan teknologi moden

Adaptasi teknologi pertanian moden dalam kalangan petani padi berskala kecil masih rendah. Hal ini berpunca daripada kekurangan modal, kurangnya latihan teknikal, dan akses terhad kepada infrastruktur asas seperti sistem saliran moden dan stor penyimpanan. Penggunaan dron, sistem jajar legowo dan aplikasi pertanian pintar masih belum meluas disebabkan teknologi tersebut tidak sesuai untuk kawasan yang kecil serta tiada bimbingan teknikal berterusan (Rasid et al., 2023). Kekangan ini berkait rapat dengan saiz pemilikan tanah yang kecil kerana teknologi moden lebih berkesan dalam operasi berskala besar. Selain itu, ketidakseimbangan subsidi dan pelaksanaan dasar yang lemah menyebabkan petani tidak mendapat latihan atau sokongan berterusan untuk mengadaptasi teknologi baharu. Kekangan ini menyebabkan petani kekal dengan kaedah tradisional yang kurang produktif dan memakan masa.

Konflik politik serantau dan ketidakstabilan rantau pengeluar

Ketidakstabilan politik di negara pengeluar beras seperti Myanmar turut memberi kesan kepada bekalan beras serantau. Konflik dan ketidakstabilan pentadbiran menjejaskan eksport dan menyebabkan kenaikan harga, sekaligus memberi kesan kepada negara seperti Malaysia yang bergantung kepada import. Petani tempatan terpaksa bersaing dengan bekalan import yang kadangkala disubsidi dan lebih murah, menyebabkan mereka kehilangan daya saing (Chamhuri et al., 2021). Dalam konteks domestik, beban ini bertambah apabila petani

tidak mendapat akses terhadap teknologi, subsidi dan dasar yang berkesan, menjadikan mereka semakin hilang daya saing. Faktor geopolitik ini, walaupun di luar kawalan petani, namun ia memperlihatkan hubungan antara struktur global dan kemiskinan lokal.

Kebergantungan terhadap beras import

Tahap Sara Diri (SSL) beras negara yang semakin rendah, iaitu pada kadar 56.2% menyebabkan risiko utama terhadap kestabilan sektor padi negara (Wan Azrain Adnan, 2025). Kebergantungan kepada import beras meletakkan Malaysia dalam kedudukan terdedah kepada gangguan bekalan global, sekatan eksport atau krisis iklim di negara pengeksport utama seperti Thailand, Vietnam dan India. Kebergantungan kepada import juga boleh menyebabkan kurangnya insentif kerajaan untuk memperkukuh sektor domestik secara besar-besaran. Perkara ini menyebabkan dasar, subsidi dan penggunaan teknologi moden tidak berkembang secukupnya. Pengimportan beras murah juga menekan harga pasaran domestik, menjadikan ladang kecil semakin tidak ekonomik. Implikasi jangka panjang termasuk penyusutan motivasi petani untuk terus kekal dalam sektor ini dan kehilangan generasi pelapis (Shamsudin & Radam, 2019).

Secara keseluruhannya, penemuan dapatan kajian yang membentuk enam faktor utama ini bukan sahaja berdiri sebagai penyumbang individu, tetapi membentuk ekosistem masalah yang utuh dan saling berkait. Saiz tanah kecil menyebabkan subsidi tidak efektif, subsidi tidak seimbang menyebabkan lemahnya dasar, dasar lemah menghalang penerimaan teknologi, kekangan teknologi telah merendahkan daya saing, konflik serantau akan menekan harga pasaran, dan kebergantungan import telah mengekalkan struktur pasaran yang tidak memihak kepada petani padi tempatan. Keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa kemiskinan petani padi merupakan fenomena multidimensi yang memerlukan pembaharuan dasar secara menyeluruh dan bersepadu. (Alkire & Foster, 2011).

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemiskinan dalam kalangan petani padi merupakan fenomena multidimensi yang terbentuk melalui interaksi kompleks antara faktor dalaman, struktur dasar, dan tekanan geopolitik. Penemuan ini selari dengan hujah Fukagawa dan Ziska (2019) serta Siti Hadijah Che Mat (2020) yang menyatakan bahawa saiz pemilikan tanah yang kecil secara langsung mengurangkan kecekapan ekonomi dan kebolehlaksanaan penggunaan teknologi moden.

Selain itu, ketidakseimbangan agihan subsidi dan ketidakcekapan pelaksanaan dasar yang ditemui dalam kajian ini juga bertepatan dengan dapatan Hamzah dan Jalil (2021), Ismail et al. (2022) serta Nor dan Shamsudin (2020) yang menegaskan bahawa jurang pelaksanaan dasar pertanian menyebabkan impak program kerajaan tidak sampai kepada golongan sasaran. Kajian ini bagaimanapun memperluaskannya melalui pengenalan hubungan silang antara subsidi, dasar dan teknologi, iaitu ketidakseimbangan bantuan menghalang penggunaan teknologi, manakala dasar yang tidak responsif kepada variasi tempatan melemahkan keberkesanan inisiatif kerajaan. Perbandingan ini menunjukkan bahawa kajian terdahulu banyak menumpukan analisis terhadap satu dimensi tertentu, tetapi kajian ini menambah nilai melalui integrasi pelbagai dimensi menjadi satu rangka pemahaman yang berstruktur.

Seterusnya, dapatan berkaitan pengaruh faktor geopolitik dan kebergantungan kepada import turut menyokong dapatan Chamhuri et al. (2021) serta Shamsudin dan Radam (2019), yang membuktikan bahawa Malaysia berada dalam kedudukan rentan apabila bergantung kepada sumber beras negara luar. Namun, perbezaan kajian ini dengan kajian lepas dapat dilihat melalui penekanan yang diberikan terhadap isu geopolitik. Isu geopolitik dalam kajian ini bukan hanya sebagai faktor luaran, tetapi sebagai elemen yang mempercepatkan kelemahan struktur domestik, termasuk motivasi petani, kestabilan harga dan kesinambungan generasi pelapis. Perbincangan ini meletakkan faktor geopolitik sebagai penyumbang yang mengukuhkan lingkaran kemiskinan, bukan sekadar ancaman luaran terhadap bekalan makanan negara.

Jika dilihat daripada perspektif pembangunan mampan pula, enam tema dapatan kajian ini mempunyai hubungan rapat dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Faktor kemiskinan struktural dan ketidakcekapan dasar berkait langsung dengan SDG 1 (*No Poverty*), manakala isu pemilikan tanah, teknologi pertanian dan produktiviti padi memberi implikasi kepada SDG 2 (*Zero Hunger*) yang menekankan

peningkatan hasil dan pendapatan petani kecil. Ketidakseimbangan subsidi serta amalan pengurusan input yang tidak efisien pula mencerminkan keperluan pemerkasaan SDG 12 (*Responsible Consumption and Production*), khususnya dari aspek tadbir urus sumber pertanian. Akhir sekali, kebergantungan Malaysia kepada import beras yang terdedah kepada perubahan iklim serta konflik geopolitik mengukuhkan kaitan dengan SDG 13 (*Climate Action*), yang menuntut strategi adaptasi dan mitigasi bagi melindungi rantai bekalan makanan negara. Justeru, dapatan kajian ini bukan sahaja memperincikan dinamika kemiskinan petani padi, tetapi turut menegaskan bahawa penyelesaiannya harus berlandaskan pendekatan pembangunan lestari yang selari dengan rangka SDG.

Akhir sekali, dapatan kajian ini juga menyatakan persetujuan terhadap pandangan Ramli et al. (2023) bahawa peningkatan kapasiti komuniti luar bandar melalui latihan, kemahiran dan rangkaian sosial berpotensi mengurangkan kemiskinan. Namun, kajian ini mengembangkan perbincangan tersebut dengan menunjukkan bahawa peningkatan kapasiti petani perlu disepadukan dengan pembaharuan struktur dasar, penambahbaikan mekanisme subsidi serta strategi pengukuhan Tahap Sara Diri (SSL). Justeru, pembinaan satu model SSL yang strategik dan holistik adalah keperluan mendesak bagi memastikan daya saing sektor padi dapat diperkukuh secara menyeluruh. Model ini perlu menggabungkan kesetaraan subsidi, responsiviti dasar, adaptasi teknologi, tadbir urus berasaskan data dan mitigasi risiko geopolitik.

Kesimpulan

Kertas kerja ini menonjolkan realiti kemiskinan yang terus membelenggu petani padi di Malaysia meskipun pelbagai dasar dan intervensi telah diperkenalkan. Kajian menunjukkan bahawa isu kemiskinan tidak hanya berpunca daripada hasil pengeluaran yang rendah, tetapi turut dipacu oleh faktor struktur pemilikan tanah, ketidakseimbangan agihan subsidi, pelaksanaan dasar yang tidak konsisten, tahap adaptasi teknologi yang terhad, serta ketidaktentuan pasaran beras dan keadaan serantau. Berdasarkan dapatan ini, pembentukan model Tahap Sara Diri (SSL) yang lebih komprehensif dan bersepadu adalah penting bagi memacu pendapatan petani, mengurangkan kebergantungan import, serta mengukuhkan keterjaminan makanan negara. Model ini perlu diterjemahkan secara praktikal melalui penyelarasan dasar yang lebih kukuh antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi seperti MADA, LPP dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), serta institusi penyelidikan pertanian.

Pengukuhan mekanisme subsidi, penambahbaikan skim sokongan pengeluaran, peluasan teknologi pertanian moden, serta jaminan harga lantai yang lebih stabil perlu diselaraskan agar benar-benar memanfaatkan petani kecil. Selain itu, peranan KPKM dalam menyemak semula keberkesanan dasar semasa dan memastikan pengagihan sumber yang lebih adil amat penting untuk menyokong kesejahteraan komuniti pesawah. Secara keseluruhannya, usaha membebaskan petani padi daripada perangkap kemiskinan memerlukan pendekatan dasar yang lebih responsif, tadbir urus yang telus, dan pelaksanaan program yang berpaksikan realiti di lapangan. Dengan keselarasan institusi dan pelaksanaan dasar yang strategik, aspirasi negara untuk mencapai keterjaminan makanan serta pembangunan sektor padi yang mampan dapat direalisasikan.

Penghargaan: Kajian ini telah dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, di bawah kod projek FRGS/1/2024/PY/UTM/2024/01681. Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian atas sokongan kewangan yang diberikan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Universiti Teknologi Malaysia serta semua pihak yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Konflik kepentingan: Artikel ini tidak ada mana-mana konflik kepentingan.

Rujukan

Chamhuri, S. (2021). *Agricultural trade liberalization and food security in Malaysia*. *Malaysian Journal of Economic Studies*.

- Fukagawa, N., & Ziska, L. (2019). Rice: Importance for global nutrition. *Journal of Nutritional Science and Vitaminology*, 65(Supplement), S2–S3. <https://doi.org/10.3177/jnsv.65.s2>
- Herwina Rosnan, Siti Qausar Mohd Shuraddin, & Norol Hamiza Zamzuri. (2025). *Small farms, big impact: The challenging role of smallholder farmers in Malaysia's agro-economy*. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(15). <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.915EC0059>
- Hilary Arksey, & O'Malley, L. (2007). Scoping studies: Towards a methodological framework. *International Journal of Social Research Methodology*, 19–32. <https://doi.org/10.1080/1364557032000119616>
- Jackson, L. (2019). *Bantuan padi di Malaysia 2025, jenis, syarat dan cara mohon*. eWangan. <https://www.ewangan.my/bantuan-padi/>
- Matthews, M. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *BMJ*. <https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Maxqda Workspace. (2025). *Thematic analysis: Step-by-step guide*. <https://www.maxqda.com/research-guides/thematic-analysis>
- Patton, M. Q. (2015). *Sampling, qualitative (purposeful)*. Wiley Online Library. <https://doi.org/10.1002/9781405165518.wbeoss012.pub2>
- Nor, A. M., & Shamsudin, M. N. (2020). *Policy failure in Malaysian agriculture: A review of implementation challenges*. JATI–Journal of Southeast Asian Studies.
- Rahman, S., & Mat Zin, N. A. (2022). Agricultural subsidies in Malaysia: Issues of equity and efficiency. *Journal of Agribusiness and Development*.
- Ramli, Z., Md Sum, S., Saad, S., & Kimong, P. (2023). Analisis keberkesanan dan kepuasan terhadap program pembangunan kapasiti wanita di Malaysia (2022–2023). *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 22(3), 1–11.
- Rasid, Z. (2023). *Adoption of smart farming technology in Malaysian rice cultivation: Prospects and barriers*. *Journal of Precision Agriculture*.
- Sabu, M., & Manzor, A. (2024, Mei 14). *Malaysia perlu capai 80 peratus SSL beras atasi kekurangan bekalan*. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2024/05/14/malaysia-perlu-capai-80-peratus-ssl-beras-atasi-kekurangan-bekalan/>
- Samirul Ariff Othman. (2023). *Malaysia MADANI: Di ambang negara maju*. Dewan Ekonomi. <https://dewanekonomi.jendeladb.my/2023/12/28/7322/>
- Shamsudin, M., & Radam, A. (2019). Assessing the impact of rice import quota policy on the Malaysian rice sector. *Journal of Food Products Marketing*, 23(8), 1–11. <https://doi.org/10.1080/10454446.2017.1244798>
- Siti Hadijah Che Mat, Salmah Sathiman, & Fatimah Hamid. (2020). Pendapatan bukan padi bantu pesawah keluar daripada kemiskinan lebih cepat. *Journal of Economics and Sustainability*, 2(2). <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jes/article/view/12559>
- Takeshima, H., Aung, M., Masias, I., & Minten, B. (2024). *Resource-poor rice farmers in Myanmar suffer double impact from political conflict*. IFPRI. <https://www.ifpri.org/blog/resource-poor-rice-farmers-in-myanmar-suffer-double-impact-from-political-conflict/>
- United Nations. (2015). *Social development for sustainable development*. Department of Economic and Social Affairs. <https://social.desa.un.org/2030agenda-sdgs>
- Wan Azrain Adnan. (2025). *Sekuriti makanan negara: Di manakah silapnya tindakan kita*. Sabah Media. <https://sabahmedia.com>
- Widyanto, A., & Subanu, L. (2023). The factors of rice farmers' poverty in Indonesia: The perspective of land conversion, land ownership area and agriculture technology. *Jurnal Kawistara*, 13(1), 121–135. <https://doi.org/10.22146/kawistara.78972>
- Zaimah, R., Md Sum, S., Saad, S., & Kimong, P. (2024). Space empowerment through the purchase: Empowering B40 women in Malaysia – A socioeconomic study. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 22(3), 516–525.